

FPP BizNewz

January – May 2022

MANAGEMENT • INVESTMENT • ECONOMICS • ENTREPRENEURSHIP • TECHNOLOGY

**Mengapa Pelaburan
Emas Menjadi Pilihan?**

Telur Mana Telur?

*you
are
what
matters*

**An Affair of Online
Learning and Covid-19**

**Pembasmian Kemiskinan Dalam RMK
Ke-12**

Bukit Harimau Menangis
Tarikan Pendakian di Kemaman



Publication Date
30 June 2022

Photo by Marek Levák on Unsplash

STATISTIK MASALAH KEWANGAN DI KALANGAN GOLOONGAN MUDA

Suhaily Maizan Abdul Manaf, Fathiyah Ismail, Salwani Affandi,
Nur Azwani Mohamad Azmin, Sholehah Abdullah, Nik Noor Afizah Azlan, dan
Siti Fatimah Mardiah Hamzah

Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu,
Malaysia

Masalah kewangan (*financial distress*) ialah keadaan di mana individu atau syarikat tidak dapat menghasilkan pendapatan atau keuntungan seterusnya tidak dapat memenuhi kewajipan kewangannya atau tidak dapat membayarnya. Ia berkait rapat dengan status kebangkrutan dan seterusnya pelbagai masalah akan timbul terutamanya kepada golongan

muda yang berada dalam statistik yang membimbangkan. Malaysian Financial Literacy Survey 2021 (RinggitPlus, 2020) melaporkan kira-kira 45% pekerja muda masih belum memulakan sebarang perancangan persaraan, yang tidak berubah dari tahun lepas. Tabiat kewangan peribadi rakyat Malaysia masih kurang memuaskan. Kekurangan perancangan persaraan dalam kalangan rakyat Malaysia masih menjadi kebimbangan. Laporan tersebut turut menyatakan bahawa terdapat sedikit peningkatan jumlah rakyat Malaysia yang berjaya menabung setiap bulan, namun 76% mendakwa mereka yang mengawal aliran keluar masuk wang mereka sama ada terurus atau tidak terurus. Tinjauan itu juga telah mendedahkan kesan Covid-19 terhadap tingkah laku perbelanjaan dalam kalangan rakyat Malaysia, di mana trend yang paling ketara ialah peningkatan keutamaan untuk pembayaran tanpa tunai dan transaksi dalam talian sejak Covid-19 melanda Malaysia. Tinjauan itu juga mendapati bahawa wabak itu juga telah menyerlahkan kepentingan mempunyai tabung kecemasan.

"..45% pekerja muda masih belum memulakan sebarang perancangan persaraan, yang tidak berubah..."

Ramalan masalah kewangan telah menjadi salah satu isu paling mencabar dalam sains kewangan untuk beberapa dekad kebelakangan ini dan banyak kajian telah dijalankan untuk mereka bentuk model yang sesuai untuk meramalkan kebangkrutan. Kajian asas tentang faktor masalah kewangan adalah penting untuk menentukan sama ada individu atau syarikat tersebut berada dalam keadaan kewangan yang sihat atau tidak sihat. Terdapat pelbagai punca yang mendorong kepada isu kebangkrutan ini. Isu paling utama adalah kekurangan kesedaran terhadap kepentingan ilmu pengurusan kewangan seawal usia remaja.

Statistik di jadual di bawah menunjukkan peratusan penyimpanan wang dan kesedaran terhadap pengurusan kewangan yang dikeluarkan oleh Annie dan EY (2021) dan RinggitPlus (2020).

Keterangan	Peratusan
Bertahan hanya dengan simpanan	Hampir 26% tidak dapat bertahan melebihi 1 bulan
	Hampir 60% tidak dapat bertahan melebihi 3 bulan
Berbelanja berlebihan	Hampir 47% membelanjakan tepat atau lebih daripada pendapatan mereka
	Hampir 23% membelanjakan lebih daripada pendapatan mereka

Keterangan	Peratusan
Perancangan persaraan	Hampir 50% belum memulakan perancangan persaraan

Dengan berpandukan kepada statistik ini, semua pihak perlulah memberi kesedaran yang optimum berkenaan kepentingan pengurusan kewangan di kalangan golongan muda di bawah usia 35 tahun. Ini kerana fasa usia tersebut merupakan tahap yang genting kerana terlalu banyak perbelanjaan sampingan yang tidak sepadan dengan punca pendapatan yang diperolehi. Melalui kesedaran ini, perancangan kewangan bagi persaraan akan lebih efektif dan efisien sekaligus mengurangkan kadar kebangkrutan di kalangan warga belia.

Rujukan

Abdul Manaf, S. M., Amzah, N. F. H., & Salleh, W. A. (2021). An investigation of factors affecting financial distress: Analysis among PN17 companies in Bursa Malaysia. *Insight Journal*, 8, 182–198. <https://doi.org/https://doi.org/10.24191/ij.v8i0.100>

Annie, A., & EY. (2021). *FinTech Adoption Index 2021-ASEAN* (Issue September 2021).

RinggitPlus. (2020). *Malaysian Financial Literacy Survey 2021*.



BizNewz 2022
Faculty of Business and Management
Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu, Kampus Dungun
Sura Hujung, 23000 Dungun, Terengganu, MALAYSIA
Tel: +609-8400400
Fax: +609-8403777
Email: biznewzuitm@gmail.com